

Pusat kajian baru permudahkan kaji denggi, Zika

Jun 22, 2022 @ 12:14pm



Nyamuk Aedes betina yang menyebarkan virus denggi (genus Flavivirus). - Foto AGENSI

SINGAPURA: Sebuah pusat kajian baru akan dibuka di sini bagi bantu memerangi penyakit bawaan nyamuk seperti denggi dan Zika dengan menghasilkan rawatan serta ubat-ubatan.

Pusat Satelit Johnson & Johnson (J&J) untuk Penemuan Kesihatan Global, satu kerjasama antara Sekolah Perubatan Duke-Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) dan syarikat farmaseutikal besar, J&J dilancarkan semalam.

Pusat berkenaan, kata Duke-NUS dalam satu kenyataan semalam, akan memberi tumpuan kepada penyakit yang disebabkan flavivirus, yang belum mempunyai sebarang rawatan.

Flavivirus - yang turut menyebabkan penyakit seperti demam Nil Barat (West Nile fever), ensefalitis bawaan kutu iaitu sejenis radang otak dan demam kuning - menjangkiti sekitar 400 juta orang setiap tahun, kata Duke-NUS.

Menurut Duke-NUS, Asia sendiri menyumbang tiga suku daripada kes-kes jangkitan sedunia dan pemanasan bumi bermaksud berbilion lagi orang akan terkesan atau dijangkiti flavivirus.

Dengan pusat baru itu, ia diharapkan dapat menyatukan pakar-pakar dari seluruh masyarakat saintifik untuk menghasilkan penemuan dan rawatan yang disebabkan flavivirus.

Singapura melaporkan lebih 15,800 kes denggi tahun ini, berdasarkan angka Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) - berbanding 5,258 kes yang dicatatkan bagi keseluruhan tahun lalu.

Prof Madya Christopher Laing, naib dekan untuk inovasi dan keusahawanan di Duke-NUS, berkata bahawa beliau yakin pusat itu akan mencipta penemuan baru dalam membendung ancaman daripada penyakit-penyakit itu.

"Singapura adalah sebuah hab terkemuka bagi inovasi dan kajian dan adalah sebuah pusat ancaman denggi," katanya.

Ketua pengkajian kesihatan awam global di Janssen Research & Development, di bawah naungan J&J, Dr Ruxandra Draghia-Akli, berkata secara semula jadi, ini membuat Duke-NUS kerjasama yang sesuai dengan visi mereka untuk menangani flavivirus.

"Malah, kajian di Pusat Satelit J&J untuk Penemuan Kesihatan Global bagi memajukan sains inovatif sudah pun bermula," katanya.

Ia diketuai Prof Subhash Vasudevan, PhD, Program Penyakit Berjangkit Baru Muncul, dari Duke-NUS dan Dr Olivia Goethals, PhD, Saintis Utama, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kesihatan Awam Global, syarikat Janssen Pharmaceutica NV.

Baru-baru ini, Duke-NUS bekerjasama dengan Unit Perubatan Penyiasatan SingHealth untuk mengendalikan percubaan klinikal bagi sebatian antiviral Janssen, yang bertujuan mencegah dan merawat denggi.

Di Sidang Kemuncak Denggi Asia Ke-5 di Singapura minggu lalu, pengkaji mencadangkan ubat-ubat profilaksis - bagi mencegah dan mengawal penyakit - yang boleh digunakan secara berkesan bagi mencegah penularan virus denggi.

Dalam satu surat forum kepada The Straits Times baru-baru ini, Prof Tikki Pang, bekas pengarah dasar penyelidikan dan kerjasama di Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), turut menggesa penggunaan vaksin Dengvaxia yang lebih luas bagi warga emas. - AGENSI